



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

SESI WALKABOUT YAB PERDANA MENTERI KE BAZAR RAMADAN RAHMAH (BRR) TAMAN PERPADUAN, PERAK

IPOH, 25 MAC 2024 – Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengadakan sesi *walkabout* di Bazar Ramadan RAHMAH Taman Perpaduan, Tambun, Perak sekaligus melancarkan Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) Peringkat Negeri Perak Tahun 2024.

Program BRR ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui penyediaan pilihan hidangan untuk berbuka puasa pada harga murah dan berpatutan. Ini termasuklah dengan menggalakkan para peniaga menyediakan kepelbagaian konsep penyediaan makanan/produk yang seimbang berteraskan Menu RAHMAH kepada pengunjung yang datang ke Bazar Ramadan pada tahun ini.

Bagi penganjuran peringkat Negeri Perak, sebanyak 4 lokasi tumpuan orang ramai telah dipilih sebagai BRR pada tahun ini iaitu BRR Taman Cempaka Ipoh, BRR Taman Perpaduan Tambun, BRR Taman Silibin Ipoh dan BRR Stadium Majlis Perbandaran Manjung. Antara kriteria pelaksanaan Program BRR adalah 40% daripada peniaga Bazar Ramadan perlu menawarkan Menu RAHMAH, lokasi tumpuan komuniti setempat serta menggalakkan kadar sewa RAHMAH dan berpatutan kepada peniaga berdasarkan lokaliti. Bagi BRR Taman Cempaka, sebanyak 71 gerai menyediakan Menu RAHMAH sebagai pilihan menu tambahan pada harga RM5 dan ke bawah.

Selari dengan matlamat kerangka pelaksanaan MyDIGITAL dan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) bagi sektor peruncitan, KPDN bersama Touch n GO meneruskan perluasan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (*Retail Digitalisation Initiative – ReDi*) bagi meningkatkan pendedahan kepada peniaga dan pengguna menggunakan kemudahan *ewallet* dalam mengurusniaga secara digital. Justeru, seramai lebih 141 gerai di BRR Taman Perpaduan, Tambun telah mengaplikasikan pembayaran digital tanpa tunai (*cashless*) dan dijangka seramai 8,000 pengunjung berpeluang menerima insentif melalui ReDi, iaitu RM20 seorang melalui e-wallet TnG untuk berbelanja di BRR. Manakala, peniaga yang menawarkan Menu RAHMAH di BRR juga akan diberikan insentif RM50 secara *one-off*.

Bersempena bulan Ramadan juga, KPDN telah melaksanakan OPS PANTAU bermula 12 Mac 2024. OPS PANTAU 2024 telah dilaksanakan secara seragam dan berfokus di seluruh negara dengan lokasi tumpuan seperti Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar raya kedai runcit dan aktiviti penjualan secara dalam talian.

Sehingga kini, Penguatkuasa KPDN Perak telah menjalankan pemeriksaan ke atas 2,154 premis sejak 12 Mac 2024 sehingga 23 Mac 2024 di bawah OPS PANTAU 2024. Tiada aduan diterima oleh KPDN Perak berkaitan isu harga di Bazar Ramadan, walaubagaimanapun sebanyak 14 tindakan kes telah diambil sepanjang OPS PANTAU 2024 dilaksanakan yang kebanyakannya adalah kes di bawah Akta Kawalan Harga & Anti-Pencatutan 2011.

Turut berlangsung Majlis Pelancaran *MySaveFood* Peringkat Negeri Perak yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri di lokasi Bazar Ramadan RAHMAH ini. Projek Malaysia *Save Food* Ramadan 2024 atau juga dikenali sebagai *MySaveFood* adalah untuk membudayakan satu sistem pengurusan lebihan makanan yang efektif di bazar Ramadan yang mudah direplikasi dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan sepanjang bulan yang mulia ini. Inisiatif ini turut menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu mengurangkan separuh daripada jumlah pembaziran makanan menjelang 2030 dan mewujudkan *Zero Hunger*.

Program ini merupakan kerjasama strategik KPDN Perak bersama Pertubuhan Pemuda GEMA Negeri Perak dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) yang melibatkan seramai 45 orang sukarelawan meliputi 5 buah Institut Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta antaranya Cosmopoint College Ipoh, UniKL RCMP, Universiti Sultan Azlan Shah, Institusi Pendidikan Guru Ipoh dan Quest International University. Penglibatan golongan muda khususnya dikalangan para pelajar dalam menjayakan Projek *MySaveFood* ini mencerminkan tahap kesedaran yang tinggi usaha mengelakkan pembaziran makanan khususnya di Negeri Perak.

Sebagai rekod pencapaian pelaksanaan Projek *MySaveFood* pada 14 hingga 24 Mac 2024, sejumlah 389.66 kilogram makanan dan 754.25 kilogram minuman berjaya dikumpulkan dari Bazar Taman Cempaka, Bazar Stadium Indra Mulia, dan Bazar Taman Perpaduan. Makanan dan minuman yang tidak terjual oleh peniaga bazar Ramadan akan dikumpulkan oleh sukarelawan dan akan diagihkan kepada pelajar IPT, golongan gelandangan dan golongan yang memerlukan.

KPDN Perak merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang berterusan sepanjang menjayakan inisiatif-inisiatif di bawah kos sara hidup bagi membantu setiap golongan yang memerlukan dalam meringankan kos sara hidup.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP NEGERI PERAK**